

# FSSA anjur Karnival Jelajah Sains 2019 di Ranau pada 22- 24 Februari

UB 10.1.2019 A2

KOTA KINABALU: Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menganjurkan Karnival Jelajah Sains 2019 (KJS 2019) yang akan melibatkan pelajar sekolah di sekitar daerah Ranau pada 22 hingga 24 Februari depan.

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FSSA Dr Mohd Sani Sarjadi berkata, KJS 2019 menyasarkan sekurang-kurangnya penyertaan daripada 11 sekolah di sekitar daerah Ranau.

“Program ini bertujuan memupuk minat pelajar terhadap aliran Sains dan Teknologi yang ditawarkan di

institusi-institusi pendidikan tinggi secara amnya serta di FSSA secara khusus dan seterusnya mendukung prinsip Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Bersepadu.

“Di samping itu, karnival ini memberi pendedahan secara terus kepada para pelajar melalui perkongsian maklumat serta aktiviti menarik yang diadakan melibatkan pelajar prasiswazah serta pensyarah dari 14 program yang terdapat di FSSA,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan selepas mengadakan pertemuan bersama pihak pentadbir SMK

Ranau bagi membincangkan perancangan karnival itu.

Mohd Sani berkata, 14 program itu adalah program Akukultur (HS27), Bioteknologi (HG07), Geologi (HS21), Sains Marin (HS40), Sains Sekitaran (HS11), Kimia Industri (HS07), Matematik dengan Ekonomi (HS08), Matematik dengan Komputer Grafik (HS09), Fizik dengan Elektronik (HS22), Perhutanan Tropika Antarabangsa (HG19), Teknologi dan Industri Kayu (HY11), Ladang Hutan dan Perhutani (HG23), Taman Alam Semulajadi dan Rekreasi (HG20) dan Biologi Pemuliharaan (HS03).